

ورتاق فرنشن Warta Penerangan



OGOS 2016





Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
**Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.**



**Terbitan Bahagian Pengurusan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri**

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Nur Asrina binti Idris
Norafiqah binti Haji Murni

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Poster terbitan Jabatan Penerangan, Regata Brunei Darussalam 2016	5
Menyertai dan bertugas semasa Keberangkatan Kebawah Duli ke Riadah Berbasikal	6
Bicara Regata semarakkan Pameran RBD 2016	7
RBD kembalikan nostalgia kegemilangan Brunei	8
Doa selamat bakal jemaah haji Jabatan Penerangan	9
Pusat Al-Islah tumpuan lawatan MPK Batang Tuau, Kampung Selapon	10
Tingkatkan pengetahuan ekonomi masyarakat	11
Terapkan kesedaran para pelajar tentang ASEAN	12
Jerayawara Kenali ASEAN di SM Rimba II	13
Tiga pelajar terbaiksertai Kuiz ASEAN, Lao	14
Tingkatkan pengetahuan penuntut mengenai ASEAN	15
Program Masyarakat Bermaklumat	16-17
Pupuk semangat patriotisme penuntut	18
Program Masyarakat Bermaklumat wujudkan masyarakat bermaklumat, berilmu	19
Pendidikan awal mengenai pencegahan penyalahgunaan dadah adalah perlu	20
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / program pada bulan Ogos 2016	21-23
Kakitangan yang menamatkan perkhidmatan (bersara)	23

Muka

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Poster Terbitan Jabatan Penerangan, Regata Brunei Darussalam 2016



ریگاتا بروئی دارالسلام

REGATA
BRUNEI DARUSSALAM 2016



Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun

Hari Ahad

18 Zulkaedah 1437H bersamaan 21 Ogos 2016M

Bertempat di Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan



Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan selaku Ahli Jawatankuasa Kerja Publisiti dan Promosi Regata Brunei Darussalam 2016

Menyertai dan bertugas semasa Keberangkatan Kebawah Duli ke Riadah Berbasikal

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad, Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor, Masri Osman, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menyertai Riadah Berbasikal Keputeraan 2016.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Ogos. - Riadah Berbasikal Keputeraan membuktikan bukan hanya sekadar aktiviti kesihatan diri malah mampu menyatupadukan perpaduan daripada segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

Apa yang paling bermakna ialah keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengetuai riadah berkenaan dan bercemar duli berkayuh basikal bersama lebih 1,000 pekayuh basikal terdiri daripada kanak-kanak hingga warga emas yang setentunya menjadi ristaan sejarah tersendiri yang diadakan secara besar-besaran.

Atas semangat kesukanan yang tinggi dan penglibatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menunjukkan baginda boleh dianggap sebagai ikon dalam menjana sekali gus mengajak kita untuk sama-sama mempraktikkan ke arah kehidupan bergerak aktif dan sihat. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof serta Menteri-menteri Kabinet yang lain.

Beberapa orang petugas dari Jabatan Penerangan seperti MRO, jurufoto dan pemberita telah ditugaskan ketika Keberangkatan Kebawah Duli ke Riadah Berbasikal ini. Di samping itu, ada juga pegawai dan kakitangan jabatan yang ikut serta dalam aktiviti sihat ini.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad turut menyertai Riadah Berbasikal Keputeraan 2016.



Pemangku Pengarah Penerangan (tiga, kiri) bersama MRO dan kakitangan Penerangan ketika bertugas di Riadah Berbasikal Keputeraan 2016.

Bicara Regata semarakkan Pameran RBD 2016

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad, selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada pegawai dari Jabatan Penerangan, Dayang Norliah binti Md. Zain.



PEMBENTANG Kedua yang disampaikan oleh Pengiran Hajah Fatimah binti Pengiran Haji Mohd. Noor (kiri) dan Dayang Norliah binti Md. Zain (kanan) dengan tajuk 'Regata Brunei Darussalam : Sukan Kegemilangan Negara'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Ogos. - Sukan Regata adalah sukan kegemilangan negara bukan sahaja mengukuhkan semangat sukan dan perpaduan, tetapi juga melihatkan hubungan kekeluargaan serta mampu mengeratkan hubungan silaturahim.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan dalam Bicara Regata 2016 yang diadakan di Galeri Seni, Dermaga Diraja, di ibu negara.

Hadir Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad.

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Brunei (APB), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Tassim bin Haji Abu Bakar dalam bicaranya bertajuk 'Persahabatan Melalui Sukan Regata se-Borneo' juga berkata, dalam konsep sukan mestilah juga memupuk keamanan dan kesejahteraan serta memperlihatkan keadabsopanan yang mulia dalam bermasyarakat.

Turut membincangkan di Bicara Regata 2016 ialah dua orang pegawai dari Jabatan Penerangan, iaitu Pengiran Hajah Fatimah bin Pengiran Haji Mohd. Noor dan Dayang Norliah binti Md. Zain dengan tajuk mereka 'Regata Brunei Darussalam : Sukan Kegemilangan Negara'.

Kira-kira seramai 100 orang terdiri daripada pelajar-pelajar pengajian tinggi serta mahasiswa dan mahasiswi hadir pada sesi perbincangan tersebut.



PEMBENTANG Pertama yang disampaikan oleh Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Brunei (APB), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Tassim bin Haji Abu Bakar dalam bicaranya bertajuk 'Persahabatan melalui Sukan Regata Seborneo'

Bicara Regata 2016 merupakan salah satu aktiviti sampingan bersempena dengan Pameran Regata Brunei Darussalam (RBD) 2016 yang julung kalinya diadakan oleh Pusat Sejarah Brunei bersama Jabatan Muzium-Muzium.

Ia juga bertujuan memberikan kefahaman dan meningkatkan pengetahuan serta kesedaran kepada golongan masyarakat terutama sekali generasi muda dan belia untuk sentiasa peka serta terus mengekalkan warisan budaya regata di negara ini.

Perbincangan juga sedikit sebanyak mengulas serta berkisar mengenai pelbagai aspek seperti sejarah kegemilangan dan nostalgia, kemeriahan serta perpaduan, hubungan kerjasama juga persahabatan dalam dan luar negara serta perkembangan ekonomi seperti pelancongan menerusi Sukan Regata.

RBD kembalikan nostalgia kegemilangan Brunei

Oleh: Aimi Sani, Nur Asrina Idris
Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali menerima Poster Regata Brunei Darussalam 2016 daripada Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar bagi mewakili Pemangku Pengarah Penerangan, yang juga selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Promosi dan Publisiti RBD 2016.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Ogos. - Bagi mengembalikan zaman kegemilangan dan nostalgia sejarah Lumba Perahu dan Bot Laju yang diadakan pada zaman tahun 50-an, 60-an dan 70-an, Regata Brunei Darussalam (RBD) 2016 sekali lagi berlangsung di negara kita pada hari Ahad, 21 Ogos bertempat di Perairan Sungai Brunei berhadapan Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan (BSB).

Pertandingan RBD 2016 adalah bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-70 Tahun.

Perkara ini dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain selaku Ketua Urussetia Jawatankuasa Kerja Regata Negara Brunei Darussalam 2016 pada Sidang Media yang diadakan di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Awang Shamsul Bahrin berkata sebanyak lima acara akan dipertandingkan pada kejohanan itu nanti iaitu Lumba Perahu 'Fibre Glass', Lumba Perahu Tradisi Terbuka, Lumba Perahu Antara Kementerian-kementerian, Lumba Perahu Jemputan Khas, Swasta dan Institusi Pengajian Tinggi dan Lumba Perahu Maraton 30 Orang Pekayuh.

Beliau juga menyentuh mengenai persediaan-persediaan yang telah dilaksanakan bagi acara tersebut.

Sementara itu, Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman menjelaskan mengenai aspek keselamatan semasa acara tersebut dijalankan.

Manakala, wakil dari Jabatan Siasatan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL), Pasukan Polis Diraja Brunei, Inspektor Kanan Md. Baharin Shah bin Haji Abu Bakar menerangkan mengenai penutupan beberapa batang jalanraya semasa berlangsungnya acara tersebut.

Beliau dalam pada itu juga menasihatkan orang ramai agar meletakkan kenderaan mereka di tempat-tempat yang telah ditetapkan awal serta tidak menghalang kelancaran lalu lintas terutama sekali di kawasan pusat Bandar Seri Begawan selain mematuhi arahan polis yang bertugas di setiap simpang, di samping mempraktikkan sikap bertolak ansur kepada semua pengguna.

Majlis turut menyaksikan penyerahan poster kepada Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar bagi mewakili Pemangku Pengarah Penerangan yang juga selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Promosi dan Publisiti RBD 2016.

Poster-poster seterusnya diserahkan oleh Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Idris kepada Pegawai-pegawai Perhubungan Awam kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawah KHEDN serta wakil-wakil media tempatan.

RBD 2016 dianjurkan bersama oleh tiga kementerian iaitu KHEDN, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Antara objektif RBD ialah untuk mengembalikan keceriaan suasana BSB sebagai pusat bandar, di samping mendukung usaha memajukan lagi industri pelancongan di negara ini dengan berkonsepkan 'Kenali Negara Kitani' (KNK) dan menjadikan BSB sebagai pusat tarikan pelancong.



TIMBALAN-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali dan Awang Mohd. Sunadi bin Haji Buntar semasa hadir pada Sidang Media Regata Brunei Darussalam 2016 berlangsung di kementerian tersebut.

Doa selamat bakal jemaah haji Jabatan Penerangan

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan sumbangan kepada bakal jemaah haji, Dayang Siti Muslihat binti Haji Salleh.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan sumbangan kepada bakal jemaah haji, Awang Haji Musa bin Haji Md. Yassin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Ogos. - Bagi memohon keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala agar bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam mendapat syafaat dan beroleh haji yang mabrur, Jabatan Penerangan telah mengadakan Majlis Doa Selamat bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang akan menunaikan fardu haji bagi musim haji 1437 Hijrah / 2016 Masihi.

Majlis Doa Selamat berlangsung di surau jabatan berkenaan bagi dua bakal jemaah haji iaitu Awang Haji Musa bin Haji Md. Yassin dan Dayang Siti Muslihat binti Haji Salleh.

Hadir pada Majlis Doa Selamat dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada bakal jemaah haji ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar serta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan tahlil serta doa selamat dipimpin oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Ali Mashod.

Majlis juga diselanjurkan dengan penyampaian sumbangan kewangan kepada bakal-bakal jemaah haji berkenaan.



HADIR sama pada Majlis Doa Selamat dan Tahlil itu ialah pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan (atas, bawah).



Adapun majlis bertujuan untuk meraikan bakal-bakal jemaah haji jabatan tersebut bagi sama-sama memohon keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala agar kesemua bakal jemaah haji beroleh haji yang mabrur, sihat walafiat dan dipermudahkan menjalani ibadah haji.

Pusat Al-Islah jadi tumpuan lawatan MPK Batang Tuau, Kampung Selapon

Berita dan Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin



ROMBONGAN ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Batang Tuau dan Kampung Selapon, Daerah Temburong serta Timbalan Pengerusi Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) juga Penolong Pegawai Narkotik semasa bergambar ramai.

TUTONG, Isnin, 29 Ogos. - Rombongan seramai 30 ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Batang Tuau dan Kampung Selapon, Daerah Temburong diteruskan lagi dengan lawatan ke Pusat Al-Islah, Kampung Kupang.

Hadir sama, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail selaku Timbalan Pengerusi bagi Program Masyarakat Bermaklumat.

Pusat Al-Islah menggunakan kaedah terapi secara bersistematik, iaitu melalui kaunseling, latihan vokasional dan membawa bersama keluarga serta masyarakat untuk memberikan sokongan kepada para residen, di mana setakat ini pusat berkenaan mempunyai kadar residivism yang lebih rendah dalam kalangan bekas penagih yang telah melalui program tersebut.

Terdahulu, rombongan lawatan diberikan taklimat ringkas mengenai peraturan lawatan di pusat tersebut dan diikuti dengan lawatan ke tempat tinggal residen lelaki yang meliputi bilik kaunseling, bilik makan, hostel, bengkel vokasional dan bilik kuliah.

Selesai lawatan, rombongan diperdengarkan taklimat mengenai pentadbiran, pengurusan, kemudahan, peranan dan tanggungjawab, struktur organisasi serta program-program pemulihan yang ditawarkan oleh pusat berkenaan yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Narkotik, Awang Haji Jefri Din bin Haji Shamsuddin.



KETUA Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail (dua, kiri) selaku Timbalan Pengerusi Program Masyarakat Bermaklumat hadir semasa lawatan tersebut.



KETUA Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail (kanan) menyampaikan cenderahati kepada Penolong Pegawai Narkotik, Awang Haji Jefri Din bin Haji Shamsuddin (kiri).

Tingkatkan pengetahuan ekonomi masyarakat

Oleh: : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



HADIR selaku tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (dua, kiri).



TAKLIMAT disampaikan oleh Awangku Mohd. Fikry Hardinie bin Pengiran Haji Mohd. Kassim (kanan) dan Dayang Hajah Yuria Abyana binti Haji Ahmad (kiri) masing-masing mewakili Ease of Doing Business dan Darussalam Enterprise (DARe).

Terdahulu, Pemangku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A.Ahmad selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan program berkenaan merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayati secara berkesan melalui penyampaian taklimat.

Menurutnya, tujuan program ini adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan mengenai usaha-usaha kerajaan ke arah mempertingkatkan taraf hidup dan menyuntik semangat diri serta memberikan inspirasi kepada anggota masyarakat melalui aktiviti keusahawanan.

JERUDONG, Selasa, 16 Ogos. - Program Masyarakat Bermaklumat anjuran Jabatan Penerangan yang dikendalikan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan Jabatan Penerangan merupakan langkah bagi para peserta untuk meningkatkan taraf hidup dengan sara diri dalam bidang ekonomi iaitu ke arah ekonomi yang berdaya saing dan dinamik.

Sehubungan dengan itu seramai 35 peserta terdiri dari penduduk Kampung Sengkurong 'A' telah menyertai program tersebut yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Sengkurong.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Penerangan Awang Mawardi bin Haji Muhammad.



PEMANGKU Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A. Ahmad semasa menyampaikan kata-kata aluan selaku Pengerusi Majlis Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Sengkurong 'A'.



ANTARA peserta yang menghadiri Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Sengkurong 'A'.

Terapkan kesedaran para pelajar tentang ASEAN

Oleh: Aimi Sani

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Ogos. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCA meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN bertempat di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Sayyidina Husain (SMSH), Mukim Sengkurong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Timbalan Pengetua SMSH, Dayang Hajah Norinah binti Haji Mokkimm.

Taklimat mengenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman.

Taklimat juga mengetengahkan maklumat mengenai Wawasan Brunei 2035 selaras dengan statistik perbandingan Negara Brunei Darussalam di arena serantau. Pengetahuan ini wajar diketahui oleh para pelajar bagi meningkatkan kesedaran mengenai perkembangan negara di mata serantau di samping sebagai pencetus semangat bagi mereka untuk lebih gigih memajukan tanah air bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Jerayawara ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan lebih meluas mengenai ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka merupakan golongan belia yang memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara dalam mewarnai corak peradaban bangsa untuk membentuk generasi pelapis.



TIMBALAN Pengetua SMSH, Dayang Hajah Norinah binti Haji Mokkimm.



PELAJAR Tahun 8 Juara, Dayang Wafa Batrisya binti Rusli.

Sementara itu, Timbalan Pengetua SMSH, Dayang Hajah Norinah ketika ditemui berkata, program seumpama ini harus dijadikan acara tahunan bagi setiap sekolah.

Menurut beliau, program ini banyak membantu para pelajar dalam pembelajaran mereka setiap hari kerana melalui program ini akan dapat membuka minda mereka tentang ASEAN secara lebih meluas. Selain itu jelasnya, program tersebut juga membantu pelajar untuk mengenali akan fungsi Jabatan Penerangan.

Bagi pelajar Tahun 8 Juara, Dayang Wafa Batrisya binti Rusli berkata, program ini dapat membuka luas pengetahuannya mengenai ASEAN seterusnya dapat diaplikasikan terhadap pembelajaran di sekolah juga peperiksaan.



PEGAWAI Luar Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman semasa berinteraksi dengan salah seorang penuntut pada Jerayawara Kenali ASEAN di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Sayyidina Husain (SMSH), Mukim Sengkurong.

Ia juga dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN selain mengenal pasti sejauh mana pengetahuan mereka mengenai ASEAN dengan menanamkan kesedaran dan kekitaan dalam kalangan pelajar sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN ‘Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti’ (One Vision, One Identity, One Community).

Program tersebut merupakan usaha berterusan Jabatan Penerangan ke arah menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan penubuhan ASEAN dalam masa yang sama mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan, guru-guru dan seramai 370 pelajar Tahun 7 dan 8 sekolah berkenaan.



PENUNTUT-PENUNTUT Sekolah Menengah Sayyidina Husain (SMSH), Mukim Sengkurong yang mengikuti Jerayawara Kenali ASEAN tersebut.

Jerayawara Kenali ASEAN di SM Rimba II

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid
Foto: Hernie Suliana Haji Othman



TETAMU kehormat, Timbalan Pengetua (Pentadbiran), Sekolah Menengah Rimba II, Dayangku Noor Sharinah binti Pengiran Haji Muhammad Samli menyampaikan hadiah kepada salah seorang pelajar yang telah berjaya menjawab Kuiz ASEAN.



JERAYAWARA Kenali ASEAN bagi Sekolah Menengah Rimba II dihadiri oleh penuntut-penuntut Tahun 7, 8 dan 9 untuk diberikan pendedahan mengenai negara-negara ASEAN sekali gus mengetahui maklumat tentang wawasan 2035.

RIMBA, Khamis, 18 Ogos. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCAI meneruskan lagi siri Jerayawara Kenali ASEAN di Dewan Sekolah Menengah Rimba II.

Hadir selaku tetamu kehormat Timbalan Pengetua (Pentadbiran), Dayangku Noor Sharinah binti Pengiran Haji Muhammad Samli. Turut hadir pegawai dan kakitangan dari Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, para guru dan juga lebih 400 penuntut Tahun 7, 8 dan 9 sekolah berkenaan. Taklimat mengenai ASEAN disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.

Jerayawara tersebut bertujuan untuk memberikan pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan lebih meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah di negara ini. Ini kerana mereka merupakan golongan belia yang berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara dalam mewarnai corak peradaban bangsa untuk membentuk generasi pelapis. Ia juga diharatkannya untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN selain untuk mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui mengenai ASEAN dengan mananamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan para penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN, iaitu ‘Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti.’



Dayang Siti Khairunissa binti Abdul Rahim, pelajar tahun 7B semasa ditemu bual berkata beliau merasa gembira kerana diberikan peluang mendengar taklimat mengenai Kenali ASEAN ini. Beliau berharap agar taklimat tersebut dapat membantu pelajaran sekolahnya walaupun baru mengetahui tentang negara-negara ASEAN ini. Katanya lagi, dengan ada taklimat ini, dapatlah membantu semua pelajar-pelajar untuk mengetahui dengan lebih jelas lagi mengenai ASEAN.

Muhammad Hasanul Fuad bin Muhammad, pelajar Tahun 9A2 menjelaskan bahawa taklimat Kenali ASEAN ini amat berguna bagi para pelajar untuk memperluaskan ilmu pengetahuan di sekolah. Menurut beliau, taklimat mengenai Kenali ASEAN ini diharap dapat dilanjutkan kepada mananya sekolah tidak kira sekolah menengah atau sekolah rendah.



ROMBONGAN dari Jabatan Penerangan dalam sesi bergambar ramai bersama warga Sekolah Menengah Rimba II sejurus selepas Jerayawara Kenali ASEAN bagi sekolah tersebut selesai diadakan.

Tiga pelajar terbaik sertai Kuiz ASEAN, Lao

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar (kanan) menyerahkan bendera negara kepada rombongan yang akan mewakili negara bagi menyertai Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Kali Ke-7 di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Ogos. - Seramai tiga pelajar terpilih menyertai Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Kali Ke-7 hari ini berlepas ke Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao.

Para pelajar terdiri daripada Pelajar Tingkatan 6 Atas Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Dayang Aimi Iffah Radhiah binti Abdullah Zulhilmie; Pelajar Tahun 10 dari Sekolah St. Andrew, Dayang Nurul Hidayatul Najiibah binti Haji Maiddin dan Pelajar Tahun 11 dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Dayang Siti Hamizah binti Haji Nordin.

Rombongan ini turut disertai oleh ketua rombongan, iaitu Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) Brunei Darussalam dan Pegawai Pelajaran Kanan, Ketua Unit Akli, Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abdul Wahab selaku guru pembimbing.

Sehubungan itu, hadir mengucapkan selamat belayar dan seterusnya menyerahkan bendera negara kepada ketua rombongan ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri selaku Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI), Komiti ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COCAI), Negara Brunei Darussalam telah diundang untuk menghadiri pertandingan yang akan berlangsung bermula 22 hingga 26 Ogos nanti.

Tiga penuntut terbaik yang mewakili Negara Brunei Darussalam itu hasil dari Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Kebangsaan (National Level) Kali Ke-7 2016 yang berlangsung pada bulan Jun lalu.



ROMBONGAN yang mewakili negara diketuai oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris (kiri).

Kuiz ASEAN merupakan salah satu projek di bawah SCI yang antara lain bertujuan untuk memupuk semangat persaingan yang sihat dalam kalangan belia ASEAN dengan mengadakan kuiz mengenai perkembangan kebudayaan, politik, ekonomi dan sosial ASEAN di rantau ini.

Tahun ini merupakan giliran Republik Demokratik Rakyat Lao menjadi penyelaras dan seterusnya pengajur bagi Kuiz ASEAN Peringkat Serantau.

Kuiz ASEAN Peringkat Serantau telah diadakan pertama kalinya di Thailand pada tahun 2002 diikuti Negara Brunei Darussalam (2004), Malaysia (2006), Republik Filipina (2009), Kemboja (2012) dan Republik Sosialis Viet Nam pada tahun 2014.

Pencapaian terbaik pasukan negara adalah pada tahun 2014 di Viet Nam dengan mendapat tempat ketiga.

Tingkatkan pengetahuan penuntut mengenai ASEAN

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Rohani Haji Abdul Hamid



PENGETUA Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Dayang Haryani binti Haji Mohammad hadir selaku tetamu kehormat pada Jerayawara Kenali ASEAN.



PEGAWAI Luar Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman mengajukan soalan Kuiz Kenali ASEAN kepada salah seorang penuntut.

SENGKURONG, Selasa, 23 Ogos. - Bagi memberikan pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan lebih meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah di negara ini, Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCAI telah mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN di Dewan Sekolah Menengah (SM) Sayyidina Hasan, Mukim Kilanas.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pengetua SM Sayyidina Hasan, Dayang Haryani binti Haji Mohammad.

Turut hadir ialah Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang Abdul Karim bin Hamdan, selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa; pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan, guru-guru dan para pelajar Tahun 7 dan 9 sekolah berkenaan.

Taklimat mengenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman.

Jerayawara tersebut disasarkan kepada para penuntut sekolah khususnya pelajar Tahun 7 dan 9 kerana mereka adalah golongan belia yang berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini dalam mewarnai corak peradaban bangsa untuk membentuk generasi pelapis.

Ia juga dihasrat untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah menengah mengenai ASEAN selain bagi mengenal pasti sejauh mana mereka mengetahui ASEAN dengan menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan mereka sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN iaitu ‘Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti’ (One Vision, One Identity, One Community).

Selain itu, taklimat juga mengetengahkan maklumat mengenai wawasan 2035 selaras dengan statistik perbandingan Negara Brunei Darussalam di arena serantau yang mana pengetahuan ini wajar diketahui oleh para penuntut bagi meningkatkan kesedaran tentang perkembangan negara agar menjadi pencetus semangat bagi mereka untuk memajukan tanah air dengan lebih gigih supaya wawasan 2035 dapat direalisasikan.

Bagi memeriahkan lagi majlis, Kuiz Kenali ASEAN turut diadakan sejurus selepas penyampaian taklimat.

Tetamu kehormat seterusnya menyampaikan hadiah kepada 10 penuntut yang berjaya menjawab kuiz tersebut.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan dalam kalangan penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Di samping itu, ia juga bagi mengukuhkan hubungan Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para penuntut di negara ini.



SUASANA sesi Kuiz Kenali ASEAN dijalankan.



ANTARA penuntut yang hadir pada taklimat tersebut.

Program Masyarakat Bermaklumat

Oleh: Noraishah Muhammed

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Noraishah Muhammed



TETAMU kehormat Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar (duduk, tengah) bergambar ramai bersama peserta Program Masyarakat Bermaklumat Kampung Bukit Sawat.



PROGRAM Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Bukit Sawat dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait selaku Timbalan Pengerusi Majlis, Awang Mohammad Hisyam bin Haji Idris.

SUNGAI MAU, Selasa, 23 Ogos. - Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan lawatan.

Sehubungan itu, seramai 30 orang yang terdiri daripada ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan penduduk Kampung Bukit Sawat juga disertai oleh Pemangku Ketua Kampung Bukit Sawat, Awang Mohammad bin Abdullah.

Program itu bertujuan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan terkini mengenai usaha-usaha kerajaan ke arah mempertingkatkan taraf hidup dan menyuntik semangat diri serta memberikan inspirasi kepada anggota masyarakat melalui aktiviti keusahawanan.

Selain itu juga bertujuan untuk mengukuhkan jati diri dan memberi keyakinan tinggi dalam menangani cabaran-cabaran, gejala-gejala dan pengaruh-pengaruh kehidupan yang boleh mengganggu keharmonian, kesejahteraan dan kestabilan kehidupan di negara ini melalui ajaran agama Islam sebagai amalan cara hidup yang lengkap.

Program itu juga merupakan usaha Jabatan Penerangan ke arah membudayakan masyarakat bermaklumat kepada semua anggota masyarakat.

Program selama dua hari itu yang disertai penduduk Kampung Bukit Sawat akan dapat memperolehi maklumat dan ilmu pengetahuan melalui taklimat keusahawanan yang akan disampaikan oleh para penceramah dari pelbagai agensi juga tambahan taklimat dari pihak Bahagian Kawalan Makanan Halal.



PROGRAM Masyarakat Bermaklumat mendatangkan pegawai-pegawai dari berbagai agensi termasuk dari Bahagian Kawalan Makanan Halal bagi menangani isu halal haram.

Taklimat mengenai ‘Isu Halal Haram’ telah disampaikan oleh dua orang Pegawai Ugama, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Awang Mohd. Noorsuddin bin Haji Yahya dan Pegawai Pemakanan, Awang Mohd. Zali bin Zakaria. Antara lain taklimat menerangkan pentingnya memastikan kehalalan pemakanan yang akan dijual di kedai-kedai makan dan menegaskan pentingnya makanan halal dalam Islam.

Seterusnya taklimat ‘Keusahawanan Agrimakanan’ telah diperjelaskan oleh Pegawai Pertanian, Bahagian Industri Agrimakanan, Dayang Nurul Ehra Hayati binti Haji Mohd. Hussin. Sementara taklimat mengenai ‘Keusahawanan Tanaman’ disampaikan oleh Pemangku Ketua Bahagian Industri Tanaman dan Ketua Unit Industri Sayur-sayuran dan Teknologi Tinggi, Awang Hirman bin Haji Abu. Taklimat terakhir mengenai ‘Keusahawanan Ternakan yang diteruskan pada sebelah petang disampaikan oleh Pegawai Haiwan, Unit Makanan dan Permakanan Haiwan, Bahagian Industri Ternakan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Dr. Ummi Fatimah binti Haji Abdul Rahman.

Peserta program antaranya, Pemangku Ketua Kampung Bukit Sawat, Awang Mohammad bin Abdullah yang berbesar hati atas program yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan yang sedikit sebanyak dapat meningkatkan lagi pengetahuan penduduk-penduduk kampung, di samping berpengetahuan untuk mengembang luas keusahawanan yang sedia ada. Beliau juga berharap akan mendapat pengongsian taklimat yang lanjut mengenai keusahawanan bagi meningkatkan usaha masing-masing jangan hanya bergantung kepada pihak kerajaan semata-mata.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program itu, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.



TAKLIMAT Keusahawanan (Tanaman) bagi Program Masyarakat Bermaklumat Kampung Bukit Sawat disampaikan oleh Pemangku Ketua Bahagian Industri Tanaman dan Ketua Unit Industri Sayur-sayuran dan Teknologi Tinggi, Awang Hirman bin Haji Abu.

Pupuk semangat patriotisme penuntut

Oleh: Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



PENOLONG Pegawai Penerangan, Awang Haji Salleh bin Haji Yusof semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Lambak Kiri.



SALAH seorang pelajar menjawab soalan Kuiz Kenegaraan.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan dan penyampaian hadiah kepada Pengetua SMLK, Dayang Hajah Sarifah binti Haji Matsawali.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para penuntut untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.



ANTARA pelajar-pelajar yang hadir pada sesi taklimat berkenaan.

LAMBAK KIRI, Rabu, 24 Ogos. - Bendera negara dan lagu kebangsaan perlu dihayati dan dihormati kerana ia melambangkan perpaduan dan kedaulatan serta keperibadian sesebuah bangsa dan negara.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Unit Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ bertempat di Perpustakaan Sekolah Menengah Lambak Kiri (SMLK).

Seramai 162 penuntut dari Tahun 7 SMLK mengikuti taklimat tersebut bersama guru-guru kanan sekolah berkenaan.

Terdahulu, taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Haji Salleh bin Haji Yusof yang antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’ dengan terperinci.

Pada taklimat tersebut, para penuntut juga berpeluang untuk menyaksikan tayangan klip video ‘Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara’ dan seterusnya menyertai Kuiz Kenegaraan yang disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Haji Rahime @ Haji Maznibi bin Awang Haji Anuar.



PENGETUA SMLK, Dayang Hajah Sarifah binti Haji Matsawali menyampaikan hadiah kepada salah seorang pelajar yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.

Program Masyarakat Bermaklumat wujudkan masyarakat bermaklumat, berilmu

Oleh: Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TEMBURONG, Isnin, 29 Ogos. - Program Masyarakat Bermaklumat kini dilaratkan ke daerah ini dengan penyertaan seramai 23 ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Batang Tuau dan MPK Selapon.

Perasmian program diadakan di Dewan Serbaguna, Bangunan Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar yang dihadiri oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad selaku tetamu kehormat majlis.

Menurut Ketua Penerangan Cawangan Temburong, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail, selaku Timbalan Pengerusi Majlis Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Batang Tuau dan Kampung Selapon, program yang diadakan secara berterusan melalui rangkaian institusi mukim dan kampung itu bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan terkini mengenai usaha-usaha kerajaan ke arah mempertingkatkan taraf hidup dan menyuntik semangat diri serta memberikan inspirasi kepada anggota masyarakat.

Selain itu katanya lagi, program juga adalah untuk mengukuhkan jati diri dan memberi keyakinan yang tinggi dalam kalangan para peserta ketika menangani cabaran-cabaran, gejala dan pengaruh kehidupan yang boleh mengganggu keharmonian, kesejahteraan dan kestabilan kehidupan di negara ini.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad hadir selaku tetamu kehormat majlis.



KETUA Penerangan Cawangan Temburong, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail, selaku Timbalan Pengerusi Majlis Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Batang Tuau dan Kampung Selapon menyampaikan ucapan alu-aluan.

Pada hari pertama program, para peserta dibawa melawat ke Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja di Bandar Seri Begawan dan ke Bangunan Pusat Al-Islah, di Daerah Tutong.

Manakala pada hari kedua program pula para peserta akan berpeluang meningkatkan pengetahuan mereka tentang peranan dan tanggungjawab yang dijalankan oleh beberapa agensi kerajaan semasa taklimat-taklimat yang disampaikan.

Program anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri ini diharap akan dimanfaatkan sepenuhnya dan dijadikan sebagai langkah bagi mewujudkan para peserta bermaklumat dan berilmu agar dapat sama-sama mananai hasrat kerajaan dalam meningkatkan taraf pengetahuan masyarakat sesuai dengan moto Jabatan Penerangan iaitu ‘Membudayakan Masyarakat Bermaklumat’.

Selain itu, program juga diharap akan menjadi agenda dan platform kerjasama yang unggul bagi membina jambatan perhubungan yang kukuh antara Jabatan Penerangan dan semua anggota masyarakat.



PESERTA yang mengikuti Program Masyarakat Bermaklumat.

Pendidikan awal mengenai pencegahan penyalahgunaan dadah adalah perlu

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

KUALA BELAIT, Selasa, 9 Ogos. - Ketagih dadah boleh menyebabkan masa depan bahkan nyawa seseorang itu menjadi musnah.

Sehubungan itu, pendidikan mengenai pencegahan perlu dibuat lebih awal bagi membina imuniti terhadap penyalahgunaan dadah dengan menunjukkan kasih sayang dan memberikan masa dan penjagaan kepada kanak-kanak yang berisiko.

Perkara tersebut ditekankan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya pada Program Awasi Anak Kitani, bertempat di Dewan Serbaguna Mukim Labi, Kuala Belait.



KETUA Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada Program Awasi Anak Kitani.

“Masyarakat memainkan peranan yang penting dalam pembentukan masyarakat yang positif dan dengan cara ini, kita semua akan dapat membentuk masyarakat yang hidup dengan cara bermakna, tetapi kita mesti berusaha lebih jika kita ingin terus melindungi orang yang kita kasih dari dadah,” tambahnya.

Program berkenaan adalah anjuran Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN) dalam usaha meningkatkan kesedaran ibu bapa mengenai bahaya penyalahgunaan dadah yang boleh menjerumuskan anak-anak mereka kepada aktiviti yang tidak sihat ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Penghulu Mukim Labi, Awang Hanapi bin Mohd. Siput.



PEGAWAI BKN, Dayang Hajah Norhayani binti Abdullah semasa menyampaikan taklimatnya.



PEMANGKU Penghulu Mukim Labi, Awang Hanapi bin Mohd. Siput (dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut.

Sesi taklimat mengenai bahayanya penyalahgunaan dadah disampaikan oleh Pegawai BKN, Dayang Hajah Norhayani binti Abdullah dan seterusnya sesi soal jawab dan menyaksikan pameran dari Jabatan Penerangan dan BKN.

Sehubungan itu, sebagai salah sebuah agensi kerajaan yang ikut bertanggungjawab dalam memastikan anak-anak bangsa bergerak sihat dan cergas untuk membangun negara, Program Awasi Anak Kitani anjuran Unit Hubungan Masyarakat, diharap akan dapat membuka minda para belia untuk menjauhi penggunaan dadah.

Ibu bapa juga diharapkan agar dapat sama-sama bertindak dan mengawasi anak masing-masing tentang bahaya penggunaan dadah tanpa mengharapkan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang di bawah tадahan Mukim Labi.



PEMANGKU Penghulu Mukim Labi, Awang Hanapi bin Mohd. Siput semasa menyaksikan pameran dari Biro Kawalan Narkotik dan Jabatan Penerangan.

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat / kursus/ bengkel pada bulan ini

NAMA	NAMA KURSUS / BENGKEL / SEMINAR / TAKLIMAT	TARIKH KURSUS
1. Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A. Ahmad	Penceramah Taklimat Penggunaan GEMS	10 Ogos 2016
		18 Ogos 2016
		20 Ogos 2016
1. Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A. Ahmad	Policy Analysis & Research Methods Profession Development Workshop	22 - 25 Ogos 2016
		29 Ogos – 1 Sept 2016
1. Awang Abdul Karim bin Hamdan	Bengkel Melayu Islam Beraja	15 - 17 Ogos 2016
1. Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar 2. Awang Mohammad Nurakram bin Bahrin	Kemahiran Penyeliaan	08 - 11 Ogos 2016
1. Dayang Hajah Marhani binti Haji Abd. Rahman 2. Dayang Norhafilah binti Rosli	Pengurusan Masa	29 - 31 Ogos 2016
1. Dayang Hajah Mariam binti Haji Abdul Rahman 2. Dayangku Hajah Siti Mewartee binti Pengiran Haji Kahar	Pembantu Penceramah Taklimat Penggunaan GEMS	10 / 18 / 20 Ogos 2016
1. Awang Muhd. Khairul Hadi bin Haji Muhd. Muhtaddir 2. Dayang Hajah Hamsah bin Datu Kerna Haji Jaya 3. Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlie / Haji Ramli 4. Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail 5. Awang Abdul Karim bin Hamdan 6. Awang Wahid bin Haji Halim 7. Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi 8. Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad 9. Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris 10. Awang Mohammad Nurakram bin Bahrin 11. Awang Arzi bin Haji Durhman 12. Awang Ishak bin Haji Othman 13. Awang Khairul Shaharim bin Haji Abdul Ghafor 14. Dayang Sabriah binti Awang Puasa 15. Awang Mohammad Armie bin Haji Untong 16. Dayang Hajah Zainit binti Haji Noorkhan 17. Dayang Hezlinawati binti Haji Abdul Karim 18. Dayang Norliah binti Md. Zain 19. Awang Haji Ahmad bin Haji Salim 20. Dayang Zawiyatun Ni'mah binti Mohammad Akir 21. Awangku Jefferi bin Pengiran Haji Durahman 22. Dayang Hajah Apsah binti Haji Sahdan / Shadan 23. Awang Aliahmad bin Awang Ache 24. Pengiran Emran bin Pengiran Haji Salleh 25. Awang Isa bin Haji Abdul Rahman 26. Awang Mohammad Khaiddir Shah bin Haji Abdul Halim 27. Dayang Hajah Marhani binti Haji Abd. Rahman 28. Dayang Ernie Erma binti Haji Salihuddin 29. Dayang Hajah Apsah binti Haji Sahdan / Shadan 30. Dayang Nurul Hazwani binti Abu Omar 31. Awang Mohammad Asbillah bin Haji Pudin 32. Awang Abu Bakar bin Haji Duraman 33. Dayang Jurainah binti Jahit / Jait 34. Dayang Sylvina Hon Zae Leena 35. Dayang Nurul Qaidah binti Ahmad 36. Awang Mohammad Mahdi bin Haji Marsidi 37. Dayang Arme Suziley Santilah binti Mohd. Eriffin	Taklimat Penggunaan GEMS	20 Ogos 2016

NAMA	NAMA KURSUS / BENGKEL / SEMINAR / TAKLIMAT	TARIKH KURSUS
38. Hajah Musmariani binti Haji Mohamed 39. Awang Haji Mirazman bin Haji Othman 40. Dayang Ramlah binti Md. Nor 41. Dayang Norhafilah binti Rosli 42. Awang Haji Ramlee bin Haji Moktar 43. Awang Hairun Nadhir bin Ismail 44. Awang Haji Narip bin Haji Bostan 45. Awang Zainuddin bin Muhammad Husseini 46. Awang Haji Salleh bin Haji Ibrahim 47. Dayang Nor Ajijah binti Haji Mohammad 48. Dayang Fa'ezah Hayati binti Haji Abdul Rahman 49. Dayang Norhayani binti Haji Abd Latif 50. Dayang Ruziah binti Haji Zakaria 51. Dayang Hajah Nuramanina binti Haji Hassan 52. Awang Ya'akop bin Haji Mat Yasin 53. Dayang Norhanim binti Haji Tundak 54. Awang Haji Shamsuddin bin Haji Omar 55. Awang Bazlan bin Haji Besar 56. Awang Aliasan bin Haji Kalong 57. Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Awang Ali Mashod 58. Dayang Faridah binti Haji Kaderi @ Bujang 59. Dayangku Nur Effa Ryina binti Pengiran Haji Hamdani 60. Dayang Siti Norasilah binti Awang Asli 61. Awang Mohammad Arif bin Matali 62. Awang Rahmat Shukurilah bin Harith / Mirah 63. Awang Muhammad Hidayatullah bin Zahari 64. Awang Mohammad Nor Amirudin bin Haji Brahim 65. Awang Haji Abd. Azim bin Haji Tujoh 66. Awang Nordy bin Tabong 67. Awang Haji Sufri bin Haji Jamil 68. Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Ali Hussein 69. Dayang Masnah binti Haji Md. Tamin 70. Awang Syahi bin Haji Ludin 71. Awang Haji Musa bin Haji Md. Yassin 72. Awang Mohd. Abdul Kafi bin Haji Sulaiman 73. Awang Julkifli bin Haji Rungging 74. Awang Safri bin Haji Talip 75. Awang Sharin bin Haji Md. Noor @ Matnor 76. Dayang Mariana binti Jais 77. Dayang Hajah Norainah binti Ibrahim 78. Dayang Asnah binti Haji Diwa 79. Dayang Norhasnah binti Haji Ahaim 80. Awang Suhaili @ Saipol Bahri bin Haji Mat Zin 81. Awang Haji Mohd. Sahrin bin Haji Dosaman 82. Awang Asrin bin Mohammad Noor 83. Awangku Shah Herman bin Pengiran Bidin 84. Dayang Mas'ayu binti Perwira Asgar Haji Abdullah 85. Dayang Dede Sutini binti Mazziz @ Hassan	Taklimat Penggunaan GEMS	15 Ogos 2016
71. Awang Haji Musa bin Haji Md. Yassin 72. Awang Mohd. Abdul Kafi bin Haji Sulaiman 73. Awang Julkifli bin Haji Rungging 74. Awang Safri bin Haji Talip 75. Awang Sharin bin Haji Md. Noor @ Matnor 76. Dayang Mariana binti Jais 77. Dayang Hajah Norainah binti Ibrahim 78. Dayang Asnah binti Haji Diwa 79. Dayang Norhasnah binti Haji Ahaim 80. Awang Suhaili @ Saipol Bahri bin Haji Mat Zin 81. Awang Haji Mohd. Sahrin bin Haji Dosaman 82. Awang Asrin bin Mohammad Noor 83. Awangku Shah Herman bin Pengiran Bidin 84. Dayang Mas'ayu binti Perwira Asgar Haji Abdullah 85. Dayang Dede Sutini binti Mazziz @ Hassan	Taklimat Penggunaan GEMS	10 Ogos 2016

NAMA	NAMA KURSUS / BENGKEL / SEMINAR / TAKLIMAT	TARIKH KURSUS
86. Dayang Timah binti OKB Haji Ali		
87. Awangku Mohammad Noor Zainismandy bin Pengiran Haji Ismail		
88. Awang Haji Raya bin Hj. Md. Tapa		
89. Awang Roslan bin Hj. Md. Jadi		
90. Awang Haji Morni bin Haji Metali		
91. Awang Haji Jafrey bin Haji Mohd. Hanafiah		
92. Awang Yahya bin Haji Jumat		
93. Awang Haji Liman bin Haji Rahim	Taklimat Penggunaan GEMS	10 Ogos 2016
94. Dayang Marinah binti Jumat		
95. Awang Azlin bin Haji Yaakub / Haji Yacub		
96. Awang Adi Azim Iskandar bin Jali		
97. Dayang Hajah Sabariah binti Haji Drahman		
98. Dayang Marliana binti Haji Jamal		
99. Dayang Hajah Rohayah binti Haji Awang Japar		
100. Dayang Juliana binti Mindas		

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas
sumbangan bakti, jasa, sepanjang berkhidmat di Jabatan Penerangan.
Selamat bersara kepada:



Haji Kamaran bin Haji Bungsu
Penyelia Pejabat
Tarikh tamat perkhidmatan :
9 Ogos 2016

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242